



NOTIS SEBUTHARGA

(TAWARAN TERBUKA)

Sebutharga adalah di pelawa daripada kontraktor-kontraktor dengan pendaftaran masing-masing **yang masih sah laku selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga** bagi kerja-kerja berikut:-

Bil	No.Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Bidang Pendaftaran & Syarat Kelayakan	Tarikh, Masa Lawatan Tapak dan No Untuk Dihubungi (Wajib)	Harga & Tarikh Dokumen Sebutharga Dijual (RM)	Tarikh Tutup (Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari)
1	QUO/FA/016/25(BS)	Cadangan Membina Dan Mengubahsuai Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pejabat Ketua Pegawai Kewangan Pbapp Tingkat 33 Komtar Untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Maklumat Perniagaan / Maklumat Korporat dan Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G1 dalam Kategori B04 serta beralamat pendaftaran di Daerah D.T.L dan D.B.D Pulau Pinang Sahaja.	28.10.2025 (Selasa) 10.30 pagi Pejabat PBAPP tingkat 33 KOMTAR 04-8308343	30.00 (Dari 28.10.2025 hingga 10.11.2025)	11.11.2025 (Selasa)

Lawatan tapak bagi Sebutharga ini adalah mengikut tarikh yang ditetapkan seperti diatas. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai lesen seperti di atas dan berminat hendaklah berkumpul di tempat tersebut di atas dan hanya pemilik lesen yang sah sahaja dibenarkan hadir. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen sebutharga tidak akan dijual pada mana-mana kontraktor **yang gagal menghadiri sesi lawatan tapak dengan sepenuhnya pada hari tersebut**

Dokumen sebutharga akan mula dijual di Jabatan Perancang dan Pembangunan, L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang **selepas lawatan tapak** pada waktu pejabat (**Isnin – Jumaat: 9.00 pagi hingga 4.00 petang kecuali waktu rehat**). Bayaran harus dibuat dalam bentuk wang tunai sahaja. Harga dokumen sebutharga adalah seperti tertera

Dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada Wakil Kontraktor yang sah. Untuk maksud ini wakil kontraktor hendaklah menghadiri dan membawa Sijil ASAL Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Maklumat Perniagaan / Maklumat Korporat dan Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G1 dalam Kategori B04 serta beralamat pendaftaran di Daerah D.T.L dan D.B.D Pulau Pinang Sahaja. Serta satu salinan fotostatnya untuk simpanan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd.

Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui sampul surat yang dimeteri dan ditandakan dengan tajuk sebutharga di sudut sebelah kiri dan dialamatkan kepada:-

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
L4, ICT, FASA 1B,
TINGKAT 4, KOMTAR
10000 PULAU PINANG.

Dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perancangan dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. L4, ICT,Fasa 1B, Tingkat 4,Komtar,10000 Pulau Pinang sebelum 12.00 tengahari

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF